

# UMS tawar 4,900 tempat kepada pelajar baru

NST 07/09/2011 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menawarkan sebanyak 4,900 tempat kepada pelajar baru untuk mengikuti pelbagai kursus di universiti itu.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, pendaftaran pelajar baru itu akan diadakan esok (hari ini).

“Kita tawarkan 4,900 tempat di UMS tetapi kita tidak tahu berapa ramai yang akan datang esok. Sebab mengikut pengalaman pada tahun-tahun lepas, kita tawarkan 5,000 tempat dan yang datang lebih kurang 4,900 orang.

“Kita berterima kasih kerana mereka memilih UMS dan berharap empat tahun kemudian mereka akan berjaya mengharungi liku-liku hidup di universiti ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan laman web baru UMS, di universiti itu, di sini, kelmarin.

Kamaruzaman berkata, selepas pendaftaran pihak universiti masih memberi peluang kepada mereka yang tidak berkesempatan mendaftar pada hari pendaftaran dan menerima rayuan daripada pelajar.

“Kita tunggu dua hingga tiga minggu kerana kadangkala tawaran itu lambat sampai kerana jauh terutama di kawasan pedalaman,” katanya.

Ketika ditanya kategori pelajar yang memasuki UMS, Kamaruzaman berkata, kebanyakannya datang dari Semenanjung Malaysia.

“Sebanyak 60 peratus adalah pelajar dari Semenanjung Malaysia, 35 peratus dari Sabah dan selebihnya dari Sarawak.

“Kebanyakan pelajar Sabah memilih universiti lain seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan universiti lain di semenanjung. Ini bagus daripada sudut integrasi nasional. Semua pelajar baru itu akan tinggal di asrama,” katanya. —

**OLEH MARRYAN RAZAN**